



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

HARI TERBUKA SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI (SKDS 2.0), KARNIVAL KEPENGGUNAAN & PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

PULAU PINANG, 30 Jun 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menganjurkan Hari Terbuka Terbuka Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0), Program Karnival Kepenggunaan dan Program Jualan RAHMAH MADANI Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 29 Jun 2024 sehingga 30 Jun 2024.

Objektif penganjuran Hari Terbuka SKDS 2.0 ini adalah untuk memberi ruang kepada syarikat-syarikat dengan jenis-jenis pengangkutan layak memohon untuk mendaftar dan mendapatkan maklumat lanjut terkini secara bersemuka tentang pelaksanaan penyasaran subsidi diesel oleh Kerajaan. Syarikat-syarikat pengangkutan terbabit juga boleh terus mengemukakan kedua-dua kategori permohonan iaitu mendapatkan kelulusan SKDS melalui sistem MySubsidi Diesel KPDN dan seterusnya mendapatkan *fleet card* daripada syarikat-syarikat minyak pilihan.

Selain menyediakan kaunter khidmat pelanggan bagi pendaftaran SKDS 2.0 dan BUDI MADANI, KPDN Negeri Pulau Pinang juga turut menganjurkan taklimat SKDS 2.0 kepada pengunjung. Hari terbuka ini dianjurkan secara kerjasama strategik bersama beberapa peneraju syarikat minyak (BHP, PETRONAS, Petron, Shell dan Caltex) dalam membantu syarikat-syarikat di bawah Sektor Pengangkutan Darat (Barangan) di Semenanjung Malaysia untuk membuat permohonan dengan lebih mudah dan lancar.

Selain itu, KPDN Negeri Pulau Pinang turut mengadakan Karnival Kepenggunaan dalam memupuk semangat kesedaran berkaitan advokasi kepenggunaan kepada rakyat di negeri ini khususnya dalam meningkatkan kesedaran pengguna terhadap hak-hak tuntutan.

Antara pengisian menarik karnival adalah seperti siri *Pocket Talk* berkaitan Tebus Rugi oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan kelebihan aplikasi PriceCatcher oleh KPDN Negeri Pulau Pinang. Taklimat yang berkonsepkan *people centric* ini dilaksanakan untuk membentuk komuniti pengguna yang berdaya upaya, menggalakan kolaborasi pihak Kementerian dengan orang awam demi kepentingan pengguna, dan memberi pendedahan saluran aduan yang betul untuk dilaporkan kepada Kementerian.

Turut dianjurkan Pertandingan Mewarna Kepenggunaan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang serta Pertandingan e-Sports Kepenggunaan yang melibatkan komuniti setempat.

Pada masa sama, KPDN Negeri Pulau Pinang turut menjalankan Program Jualan RAHMAH MADANI Bergerak yang menawarkan jualan barangan keperluan harian pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran dengan potongan harga sebanyak 10 hingga 30 peratus. Antara barangan keperluan harian yang boleh didapati ialah ayam segar, telur, beras import, minyak masak botol, gula bertapis, tepung gandum, barangan penjagaan diri, barangan pembersihan rumah dan lain-lain barangan keperluan harian seperti makanan dan bukan makanan.

Kementerian melalui KPDN Negeri Pulau Pinang merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen sepanjang menjayakan Hari Terbuka SKDS 2.0, Program Karnival Kepenggunaan dan Program Jualan RAHMAH MADANI Peringkat Pulau Pinang kali ini.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###